KALENDAR PERISTIWA
Julai – September 2007

6 Julai 2007

Bank Negara Malaysia mengumumkan penubuhan BNMTELELINK, pusat hubungan baharu untuk melengkapkan perkhidmatan di kaunter yang disediakan oleh BNMLINK. Kedua-dua pusat itu memberikan maklum balas yang segera dan efisien kepada orang ramai mengenai perkara yang berkaitan perbankan konvensional dan Islam, insurans dan takaful, khidmat nasihat untuk perusahaan kecil dan sederhana, pentadbiran pertukaran asing dan hal-hal lain di bawah bidang kuasa Bank Negara Malaysia. Orang ramai boleh menghubungi BNMTELELINK melalui telefon, faks, surat atau e-mel.

19 Julai 2007

Pada Sidang Kemuncak Perbankan Malaysia ke-11 yang bertemakan ”Pembaharuan dan Transformasi Industri Perbankan Malaysia”, Gabenor mengumumkan pengenalan rangka kerja baharu untuk memudahkan proses inovasi produk. Dr. Zeti berkata bahawa rangka kerja baharu itu akan memudahkan proses pengawalseliaan dan memberikan ruang kefleksibelan yang lebih luas kepada bank dan penanggung insurans untuk memperkenalkan produk baharu dengan lebih cepat dalam pasaran dan pada masa yang sama, mewujudkan program pengurusan produk yang kukuh dalam institusi masing-masing. Beliau menegaskan bahawa bank-bank dan penanggung insurans yang layak diharap dapat menggunakan kefleksibelan ini dengan penuh tanggungjawab dengan memelihara kepentingan pengguna.

Pada hari yang sama, Bank Negara Malaysia mengeluarkan tiga jenis duit syiling peringatan bersempena pertabalan Yang Di-Pertuan Agong Al Wathiqu Billah Tuanku Mizan Zainal Abidin Ibni Al-Marhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah.

24 Julai 2007

Pada mesyuarat kelimanya, Jawatankuasa Dasar Monetari Bank Negara Malaysia mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (overnight policy rate, OPR) pada 3.50 peratus dan mengekalkan kadar itu pada paras yang sama pada mesyuarat berikutnya pada 24 Ogos.

30 Julai 2007

Bank Negara Malaysia mengeluarkan tiga jenis duit syiling peringatan untuk memperingati Ulang Tahun ke-50 Kemerdekaan Malaysia.

13 Ogos 2007

Dalam Kewangan Islam Malaysia ke-2 – Forum Penerbit dan Pelabur 2007, Gabenor berucap mengenai potensi pertumbuhan besar pasaran sukuk global. Beliau berkata peranan kewangan Islam yang semakin meningkat dalam menggembleng dan menyalurkan dana kepada aktiviti pelaburan yang produktif merentas sempadan telah menyumbang kepada pengagihan dana yang lebih efisien dan memudahkan perdagangan dan pelaburan antarabangsa. Dr. Zeti mengambil maklum bahawa Malaysia menerajui kewangan Islam global, mencakupi dua pertiga atau kira-kira USD47 bilion daripada sukuk global terkumpul. Malaysia juga merupakan penerbit terbesar sukuk dari segi bilangan. Malaysia memberikan penyelesaian menyeluruh untuk aktiviti sukuk dengan menyediakan platform terbitan dan dagangan sukuk yang lengkap, disokong oleh empat perkara utama: pelbagai instrumen Islam, infrastruktur perundangan dan pengawalseliaan yang kukuh, rangka kerja tadbir urus Syariah yang mantap dan bekalan tenaga mahir yang berpengalaman. Perkara-perkara ini disokong oleh sistem kewangan Islam yang komprehensif dengan komponen utama terdiri daripada perbankan Islam, takaful dan pasaran wang dan modal Islam yang kini berada pada tahap pembangunan yang lebih maju.

29 Ogos 2007

Bank Negara Malaysia mengumumkan bahawa ekonomi Malaysia berkembang 5.7% pada suku kedua 2007 (S1: 5.5%). Pertumbuhan didorong oleh permintaan dalam negeri yang diterajui oleh aktiviti sektor swasta yang berdaya tahan dan diperkukuh oleh perbelanjaan sektor awam yang meningkat. Dari segi penawaran, pertumbuhan disokong oleh prestasi sektor perkhidmatan yang berterusan kukuh dan aktiviti sektor perlombongan dan pembinaan yang lebih giat.

5 September 2007

Bank Negara Malaysia mengumumkan penubuhan Program Meningkatkan Tenaga Mahir dalam Sektor Kewangan untuk menangani kekurangan tenaga kerja mahir dalam industri kewangan. Program intensif selama setahun ini menyediakan latihan teknikal industri kewangan, simulasi, bengkel, kajian kes dan pendedahan latihan sambil bekerja melalui latihan amali dengan institusi kewangan. Pemohon yang terpilih akan ditawarkan biasiswa yang menarik untuk program ini dan apabila tamat latihan, mereka yang berjaya akan diserapkan ke dalam sektor kewangan.

13 September 2007

Bank Negara Malaysia sebagai Sekretariat Majlis Pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) Kebangsaan (MPPK) melancarkan Laporan Tahunan PKS 2006. Laporan ini memberikan maklumat mengenai prestasi PKS dan memaparkan program-program utama yang dilaksanakan oleh Kerajaan untuk menggalakkan pembangunan PKS. Laporan ini juga mengandungi kisah-kisah kejayaan PKS yang mendapat manfaat daripada program dan insentif Kerajaan. MPPK juga mengumumkan beberapa inisiatif penting untuk menggalakkan lagi sektor PKS yang berdaya saing dan berdaya tahan seperti penubuhan Agensi Penyelaras Pusat PKS, program pembangunan untuk industri asas tani dan membangunkan PKS yang inovatif.

25 September 2007

Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia memutuskan bahawa pengagihan lebihan dana *tabarru'* dalam skim takaful dan penggunaan konsep *wakalah* dalam instrumen deposit adalah harus dari perspektif Syariah. Berikutan keputusan ini, adalah dijangkakan bahawa institusi kewangan Islam akan dapat mempelbagaikan produk-produk yang mematuhi Syariah dan menjadi lebih kreatif dan inovatif dalam penawaran produk-produk mereka.